

Penolong Kanan Kokurikulum

Mukadimah

Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab kepada Guru Besar untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. Guru Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab meningkatkan penglibatan dan penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum.

Bidang Tugas

1. Menjalankan tugas-tugas Guru Besar semasa ketiadaan Guru Besar, Guru Penolong Kanan I dan Guru Penolong Kanan II.
2. Mengajar sebilangan waktu mengikut arahan Guru Besar.
3. Bertanggungjawab kepada Guru Besar di dalam semua aspek pengurusan kokurikulum termasuk sidang petang.
4. Menyelia dan menilai aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah.
5. Membantu Guru Besar di dalam semua aspek perancangan dan pengurusan sekolah termasuk sidang petang.

Senarai Tugas

1. Kokurikulum
 - 1.1 Sukan dan Permainan
 - 1.1.1 Merancang takwim kegiatan sukan dan permainan.
 - 1.1.2 Mengurus pemilihan peserta untuk pertandingan.
 - 1.1.3 Menyelia kegiatan sukan dan permainan.
 - 1.1.4 Menyelaras aktiviti-aktiviti pertandingan sukan dan permainan di dalam dan di luar sekolah.
 - 1.2 Pakaian Seragam
 - 1.2.1 Merancang takwim kegiatan pakaian seragam.
 - 1.2.2 Mengurus pemilihan peserta untuk kegiatan pakaian seragam.
 - 1.2.3 Menyelia kegiatan pakaian seragam.
 - 1.2.4 Menyelaras aktiviti-aktiviti pakaian seragam di dalam dan di luar sekolah.
 - 1.3 Persatuan dan Kelab
 - 1.3.1 Merancang kegiatan persatuan dan kelab.
 - 1.3.2 Mengurus pemilihan peserta untuk persatuan dan kelab.
 - 1.3.3 Menyelia kegiatan persatuan dan kelab.
 - 1.3.4 Menyelaras aktiviti-aktiviti persatuan dan kelab di dalam dan di luar sekolah.

2. Pentadbiran

- 2.1 Menyusun/ menyelaras kegiatan kokurikulum.
- 2.2 Menyediakan anggaran belanjawan pengurusan kokurikulum.
- 2.3 Menentukan langkah-langkah keselamatan di dalam kegiatan kokurikulum telah diambil.
- 2.4 Membantu di dalam segala jenis penerbitan sekolah dalam hal kokurikulum
- 2.5 Bertanggungjawab mengenal lawatan-lawatan anjuran pihak sekolah.
- 2.6 Menyelarasi hari-hari perayaan dan upacara sekolah.
- 2.7 Menyelarasi pembahagian murid-murid ke dalam kelab/ persatuan pakaian seragam dan sebagainya.
- 2.8 Menentukan penglibatan semua murid di dalam kegiatan kokurikulum serta meningkatkan tahap pencapaian.
- 2.9 Menguruskan alatan dan kemudahan untuk kegiatan kokurikulum.
- 2.10 Memastikan rekod dan data kokurikulum disenggarakan.
- 2.11 Menguruskan kursus dan latihan untuk guru dan murid dalam bidang berhubung dengan kokurikulum.
- 2.12 Mengenal pasti guru-guru dan murid-murid yang berpotensi dalam kegiatan kokurikulum dan mengadakan latihan untuk mereka.

3. Tugas-tugas Lain

- 3.1 Menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa yang diluluskan oleh Guru Besar dari semasa ke semasa.
 - 3.1.1 Melaksanakan arahan-arahan dan tugas-tugas lain yang diberikan oleh Guru Besar dari semasa ke semasa.